

02 FEB 1997

Masjid - Senibina

SENIBINA TURKI DAN TEMPATAN UNTUK MASJID RIADUSZ SOLIHIN

LANGKAWI, 2 Feb (Bernama) -- Senibina bercirikan Turki dan tempatan digabungkan untuk pembinaan bangunan baru Masjid Riadusz Solihin, Padang Lalang, Ayer Hangat di sini.

Akitek pembinaan masjid itu, Abdul Gani Ali berkata, ciri-ciri itu digabungkan untuk mewujudkan suasana lebih menarik masjid itu yang dijangka menelan belanja RM5 juta.

Masjid itu dapat menampung kira-kira 2,500 jemaah berbanding 500 jemaah yang dapat ditampung oleh masjid yang ada sekarang, katanya kepada pemberita selepas menyampaikan taklimat kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, malam tadi.

Dr Mahathir, yang bersama 1,000 penduduk Langkawi berbuka puasa di masjid itu, turut menyaksikan pelan senibina masjid itu yang akan dibina sebaik sahaja wang sebanyak itu dikumpul.

Gani berkata pembinaan bangunan baru masjid itu akan menyambung bangunan masjid yang sedia ada.

Apabila masjid baru siap, masjid lama akan dijadikan perpustakaan dan kelas untuk para pelajar mengulangkaji pelajaran.

Gani, yang juga anak tempatan Ayer Hangat berkata, persekitaran masjid itu akan dilandskap dan diperindah dengan pokok bunga.

Setiausaha Jawatankuasa Masjid itu, Hashim Saad berkata sebidang tanah seluas 0.288 hektar yang terletak di sebelah masjid telah dibeli dengan harga RM270,000 dan diwakafkan untuk dijadikan tapak masjid itu.

Katanya sebanyak RM150,000 dikutip daripada penyumbang untuk menampung pembelian tanah itu. -- BERNAMA

ZI NAK